

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos operasi, hutang, keuntungan/kerugian pada tahun kewangan 2014 untuk syarikat berkaitan kerajaan berikut:-

(a) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Persaraan

(b) Lembaga Tabung Hajid) Permodalan Nasional Berhade)
Lembaga Tabung Angkatan Tenteraf) Amanah Raya Berhadg)
Khazanah Nasional Berhad; dan 1MDB

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Kos Operasi Kumpulan Wang Simpanan Pekerjaan (KWSP) pada tahun 2014 ialah sebanyak RM1,122.33 juta iaitu dengan penurunan sebanyak RM55.61 juta bersamaan dengan 4.72% berbanding tahun 2013 iaitu berjumlah RM1,177.94 juta. Penurunan ini disebabkan oleh kewujudan peruntukan tambahan secara pukal kali pertama bagi gratuiti kepada pesara pada tahun 2013. Kos bagi Purata Aset yang diuruskan (*Asset Under Management*) bagi setiap RM100.00 aset adalah RM0.268.

Hutang semasa KWSP adalah berjumlah RM6.49 bilion berbanding RM4.37 bilion pada tahun 2013. Peningkatan ini adalah berikutan peningkatan akruan terhadap pembelian instrumen pelaburan pada hujung tahun 2014 yang mana pembayaran telah selesai dibuat pada bulan berikutnya.

Keuntungan bersih KWSP pada tahun 2014 ialah sebanyak RM36.81 bilion iaitu meningkat sebanyak RM5.35 bilion bersamaan 17% berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak RM31.46 bilion. Keuntungan modal daripada dagangan Pelaburan terutamanya ekuiti merupakan penyumbang utama kepada kenaikan ini.

Bagi Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), kos operasi yang

ditanggung pada tahun 2014 adalah sebanyak RM121 juta dan liabiliti sebanyak RM410 juta. Dalam tahun yang sama, KWAP telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM4.835 bilion.

b). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan kewangan tahun 2014 bagi Lembaga Tabung Haji, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Lembaga Angkatan Tentera adalah di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri. Manakala Amanah Raya Berhad, Khazanah Nasional Berhad, 1Malaysia Development Berhad dan Permodalan Nasional Berhad adalah dibawah kawalan Kementerian Kewangan.

Jumlah kos operasi, hutang, keuntungan / kerugian pada tahun kewangan 2014 bagi Amanah Raya Berhad, Khazanah Nasional Berhad, 1Malaysia Development Berhad dan Permodalan Nasional Berhad adalah seperti berikut:-

i. Amanah Raya Bhd

(Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014)

Kos operasi	:	RM28,904,032
Liabiliti	:	RM657,439,713
Keuntungan sebelum cukai	:	RM239,550,837

ii. Khazanah Nasional Bhd

(Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014)

Kos operasi	:	RM30,115,643,000
Liabiliti	:	RM84,674,296,000
Keuntungan sebelum cukai	:	RM2,884,921,000

iii. 1Malaysia Development Bhd

(Tahun Kewangan berakhir 31 Mac 2014)

Kos operasi	:	RM2,862,365,000
Liabiliti	:	RM48,967,786,000
Keuntungan sebelum cukai	:	(RM665,361,000)

iv. Permodalan Nasional Bhd

(Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014)

Kos operasi	:	RM1,255,703,000
Liabiliti	:	RM13,113,924,000
Keuntungan sebelum cukai	:	RM3,135,639,000